



**KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA  
1 NOVEMBER 2021**

**KHAIRIL ANUAR DILANTIK KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CBP BAHARU**

---

1. Co-opbank Pertama (CBP) hari ini mengumumkan pelantikan Encik Khairil Anuar Mohammad Anuar sebagai Ketua Pegawai Eksekutif baharu berkuatkuasa 1 November 2021.
2. Khairil Anuar, 46, merupakan lulusan Sarjana Pengurusan Risiko dari Universiti Glasgow Caledonian, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dan Kewangan dari DeMonfort University, United Kingdom. Di samping itu, beliau juga merupakan seorang bertauliah 'Chartered Banker' dari Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)/Chartered Bankers Institute serta Oxford Advanced Management & Leadership Programme dari Said Business School, University of Oxford, United Kingdom.
3. Sebelum perantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di CBP, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Strategi di SME Bank sehingga September 2021.
4. Beliau juga pernah berkhidmat di beberapa institusi kewangan lain termasuk Hong Leong MSIG Takaful, Al Rajhi Bank Malaysia dan Bank Negara Malaysia. Dengan pengalaman lebih 20 tahun di dalam industri kewangan, beliau mampu untuk meneraju CBP ke satu tahap yang lebih tinggi serta memainkan peranan lebih penting CBP di dalam menjayakan agenda Transkom 2021-2025.

**-TERIMA KASIH-**

**Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 29 buah cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan patuh Syariah seperti Pembiayaan Individu, Koperasi serta Korporat, Ar-Rahnu, Deposit, Syer Keanggotaan serta Takaful dan Wasiat Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

**Jabatan Transformasi, Co-opbank Pertama**

[syaiful@cbp.com.my](mailto:syaiful@cbp.com.my) / [transformasi@cbp.com.my](mailto:transformasi@cbp.com.my)

013-394 4999

